



## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 4 OKTOBER 2023

- 1. TANGKAP DALANG SEBENAR – PPIM – SINAR HARIAN**
- 2. AKMAL PERTAHAN DAKWAAN WUJUD KARTEL BERAS – SINAR HARIAN**
- 3. OPERASI RAWAK KESAN TUKAR LABEL BERAS – BERITA HARIAN**
- 4. ‘STRATEGI PASTIKAN BEKALAN DALAM NEGARA MENCUKUPI’ – BERITA HARIAN**
- 5. ‘TINDAKAN MAHKAMAH JIKA SOROK BERAS’ – BERITA HARIAN**
- 6. LANGKAH STRATEGIK DEMI BERAS MENCUKUPI – HERIAN METRO**
- 7. TAMBAH SUBSIDI BERAS, KAWAL HARGA BERAS IMPORT – UTUSAN MALAYSIA**
- 8. ‘JANGAN SULITKAN RAKYAT DAPAT BEKALAN BERAS – UTUSAN MALAYSIA**
- 9. OPERASI BURU PIHAK GANGGU RANTAIAN BERAS – KOSMO**
- 10. ‘SCRAP RICE MONOPOLY IN NEXT 8 YEARS’ – NEW STRAIT TIMES**
- 11. SPOTCHECKS ON RICE LABEL SWITCHING – NEW STRAIT TIMES**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)**

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 4 OKTOBER 2023  
PERKARA : ISU SEMASA

## Tangkap dalang sebenar - PPIM

Saran kerajaan tubuhkan jawatankuasa khas perangi kartel beras tempatan

SHAH ALAM

Kerajaan perlu menubuhkan sekretariat atau pasukan petugas khas di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi menangani masalah kekurangan dan harga barang keperluan rakyat, termasuk beras.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, pasukan berkecuali yang luar daripada sistem sedia ada itu amat penting bagi mengatasi ketirisan maklumat, sekali gus mencari punca utama masalah yang berlaku.

Menurutnya, daripada situ, tindakan lebih tegas dan berkesan boleh diambil, di



Penduduk kampung mendapatkan bekalan Beras Special Tempatan 10 kilogram dengan harga RM26 sekamfit ketika tinjauan di Agro Bazaar Kampung Jalan Kebun, Seksyen 30, Shah Alam.



NADZIM

samping mengenal pasti dalang sebenar sama ada kartel, 'pengkhianat' daripada kalangan pegawai kerajaan atau pihak industri.

"Masalah ini berterusan dan bagaiakan tiada kesudahan. Saya rasa sudah sampai masanya kita kena ubah pendekatan dengan mencari orang luar daripada sistem untuk tangani isu berkenaan.

"Kita tak boleh guna

pendekatan sama. Kalau nak perubahan, perlu lebih bersedia dan tidak boleh orang yang sama dalam sistem. Contohnya, mungkin dalam sistem rantaian sedia ada ini, maklumat boleh dikongsi dengan kartel.

"Sebab itu, saya sarankan pasukan petugas khas diletakkan di bawah JPM agar mereka boleh memantau, menyiasat dan mengambil tindakan yang se-wajarnya," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Mengulas lanjut, Nadzim berkata, penguatkuasaan yang dilakukan kerajaan masih lagi tidak memadai.

'Kamu sorok beras, kami cari, bawa ke mahkamah'

BENTONG - Mana-mana pihak yang mengambil kesempatan menyembuyikan stok beras akan diheret ke muka pengadilan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, badan penguatkuasaan telah diarahkan mengambil tindakan terhadap pihak terlibat.

"Saya beritahu Mohamad Sabu (Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan) arahan jelas kepada badan pengut kuasa kalau ada berani buat perangai buruk dalam orang susah cari beras, sorok, kamu juga, kami cari kamu dan saran dan bawa ke mahkamah."

"Tengah orang susah, ketika itu kamu hendak cari untung," katanya pada Isnin.

Ketika berucap pada Karnival Segalanya Felda, di

Felda Chemoroi, beliau memberi jaminan kerajaan tidak menaikkan harga beras putih tempatan (BPT) di negara meskipun berlaku trend peningkatan harga beras di negara-negara jiran susulan isu kekurangan bekalan beras putih import (BPI).

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, subsidi tambahan sebanyak RM400 juta disalurkan kerajaan agar semua premis kerajaan termasuk hospital menggunakan beras import sebagai langkah meningkatkan bekalan beras tempatan di pasaran.

Dalam pada itu, Lembaga Pertubuhan Peladang dan FAMA dikerahkan membantu pengedaran beras serta-merta sekiranya berlaku masalah penghantaran bekalan.

Malah beliau percaya, masalah itu akan berterusan jika kegiatan kartel masih wujud.

"Penyelesaiannya mudah sahaja, berikan hukuman

seberat-beratnya seperti penjara dan denda setinggi mungkin. Tidak kira siapa sahaja yang terlibat, mereka mesti dibawa ke muka pengadilan," katanya.

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**TARIKH : 4 OKTOBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## Akmal pertahan dakwaan wujud kartel beras

**SHAH ALAM** - Ketua Pemuda UMNO, Dr Muhamad Akmal Salleh mempertahankan dakwaan wujudnya kartel menipu rakyat berhubung beras hancur dan beras super spesial tempatan (SST).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau itu berkata, pihaknya telah menyerahkan maklumat tersebut kepada kementerian berkaitan.

"Saya pertahankan dakwaan saya (wujudnya kartel beras) dan telah mensyururkan maklumat yang ada kepada kementerian terlibat untuk tindakan lanjut," katanya.

Dr Muhamad Akmal dilapor membongkar modus operandi kartel yang menggunakan beras hancur sebagai beras tempatan kerana ia boleh dijual dengan bukan harga kawalan.

Beliau berkata, terdapat perbezaan ketara antara beras SST dan beras hancur.

Sementara itu, beliau menyaran kan agar kerajaan Persekutuan me-

wujudkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bagi mengambil tindakan tegas terhadap pengkhianat beras dan melenyapkan isu kartel beras di negara ini.

Dr Muhamad Akmal juga mengaku yakin LPN dapat menyelesaikan isu berkaitan padi dan beras sekali gus mengurangkan kelompongan kartel dalam isu bekalan beras.

Dalam pada itu, Bahagian Pembangunan Industri Padi (BPIP), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menafikan dakwaan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad



DR MUHAMAD AKMAL

Sanusi Md Nor mengenai kartel yang telah memonopoli input pertanian dan penipuan alat timbangan khususnya dalam industri padi serta beras negara.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood pula berkata, BPIP menerusi Seksyen Kawalselia Padi Beras (KPB) mengeluarkan sejumlah 36,492 unit pel-

bagai lesen dan permit seperti Lesen Borong Beras, Lesen Eksport, Lesen Import, Lesen Kilang Padi, Lesen Membeli Padi, Lesen Beras Runcit, dan Kelulusan Khas Menjual Benih Padi bagi benih padi sah (BPS).

Beliau berkata lagi, jumlah lesen dan permit itu jelas menunjukkan tiada kartel yang dimaksudkan wujud dan mampu memonopoli industri padi dan beras negara sebagaimana yang didakwa.

### REAKSI

“

Pengeluaran beras seluruh negara mencakupi 67 peratus, manakala import pula sebanyak 33 peratus. Bagaimana 67 peratus boleh hilang dalam pasaran. Berdasarkan tinjauan saya, memang beras tempatan dicampur dengan beras import iaitu sebanyak 70 peratus beras tempatan dan 30 peratus beras import. Kemudian beras dicampur itu dilabel sebagai beras super import yang dijual hampir RM40.”



- Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim

“

Ketika zaman saya memegang portfolio ini, kami dapat menghindari kegiatan kartel berkenaan. Lagipun, segala bentuk aktiviti pertanian ini dikawal kerajaan. Terdapat individu yang menggunakan cara licik untuk melepaskan diri daripada dikenakan tindakan.”



- Ahli Parlimen Pasir Putih yang juga bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN  
TARIKH : 4 OKTOBER 2023  
PERKARA : ISU SEMASA

# Operasi rawak kesan tukar label beras

## OP BPT kenal pasti wujud dakwaan beras tempatan ditukar import

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Task Force Khas Bersepada Penguatkuasaan Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT) akan mengambil sampel secara rawak di pelbagai peringkat rantai pembekalan beras bagi mengesan dakwaan manipulasi label beras tempatan yang ditukar kepada beras import.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin, berkata operasi itu sedang berjalan, termasuk di beberapa lokasi 'hotspot' yang sudah dikesan hasil pemantauan petugas Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebelum ini.

Beliau berkata, memandangkan sampel beras berkenaan perlu diuji terlebih dulu bagi menentukan sama ada ia daripada hasil beras tempatan atau import, peranan Jabatan Kimia dibabitkan dalam pasukan khas ini.

"Operasi ini akan dijalankan bila-bila masa. Apa yang penting, kita akan menjalankan ujian dengan mengambil sampel secara rambang dari pelbagai peringkat rantai bekalan beras sama ada di peringkat peruncitan, pemborongan atau pengilangan.

"Kita ambil sampel dan kemudian kita jalankan ujian untuk memastikan sama ada berlaku tuduhan beras putih tempatan dilabelkan sebagai beras putih import."

"Macam mana mahu kenal pasti? Ia mesti melalui cara yang saintifik," katanya ketika ditemui media selepas OP BPT di ibu pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini, semalam.

### Maklum balas hasil ujian

Foong Hin berkata, sebelum ini OP BPT hanya disertai Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantine dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

"Hari ini (semalam), kita memanggil mesyuarat penyelarasan antara agensi yang akan terlibat dalam taskforce ini. Jadi, pada asalnya taskforce ini membabitkan lima agensi, KPB, MAQIS, PDRM, KPDN dan JKDM.

"Sekarang kita sudah masuk ke Jabatan Kimia dan juga MAR-DI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MAR-DI)," katanya.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, kelmarin, menjelaskan, OP BPT ini akan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan di semua peringkat rantai pembekalan beras putih tempatan.

Dalam pada itu, Foong Hin berkata, kementeriannya akan memberikan maklum balas atau hasil ujian yang dijalankan bagi mengesahkan sama ada dakwaan penukaran label itu berlaku di banyak tempat atau sebaliknya.

"Saya rasa ini pun kita sedang sedang tunggu. (Lokasi) hotspot memang ada, di beberapa lokasi yang kita sudah kenal pasti. Tetapi setiap perkembangannya nanti kita akan bagi dalam sidang media," katanya.



Chan Foong Hin

KERATAN AKHBAR  
TARIKH  
PERKARA

: BERITA HARIAN  
: 4 OKTOBER 2023  
: ISU SEMASA

## 'Strategi pastikan bekalan dalam negara mencukupi'

Kuala Lumpur: Empat langkah intervensi tambahan dilaksanakan kerajaan bagi menangani isu bekalan beras dalam negara ini diyakini mampu menstabilkan semula keadaan bekalan makanan ruji itu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif EMIR Research, Datuk Dr Rais Hussin Mohamed Ariff, berkata ia langkah strategik yang amat diperlukan bagi memastikan bekalan beras mencukupi untuk memenuhi permintaan domestik.

"Pada masa sama, ini bagi memastikan terdapatnya lebahan yang boleh diedarkan kepada pembekal apabila tiba masanya, tanpa mengira sama ada beras putih tempatan (BPT) atau beras putih import (BPI).

"Surasana sekarang, citarasa pasaran bukanlah penentu, tetapi bekalan dan pada harga kawalan yang ditetapkan," katanya.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, pada sidang media khas mengumumkan empat langkah intervensi tambahan dilaksanakan bagi menangani isu bekalan beras dalam negara, antaranya termasuk mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) meningkatkan pengedaran beras putih tempatan ke kawasan luar bandar termasuk di kedai runcit.

Bagi Sabah dan Sarawak, Mohamad berkata, kerajaan bersatu untuk memberikan subsidi sebanyak RM560 setiap tan bagi BPI mulai 5 Oktober bagi membolehkan BPI diperoleh dengan harga runcit RM31 bagi setiap 10 kilogram.

Mengulas lanjut, Rais Hussin menggesa pengilang dan pemborong beras tempatan daripada swasta yang memonopoli rantauan makanan itu untuk bekerjasama dengan FAMA, dalam usaha menyegerakan penyelesaian bekalan beras.

"Ini bererti FAMA akan bersiap siaga membantu meringankan beban kos dan tanggungan swasta dari segi perdagangan dan pengangkutan apabila diperlukan, sebagai contoh ketika berlakunya lebahan bekalan. Ini boleh dilaksanakan menerusi kontrak dan perjanjian antara FAMA dan swasta," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga boleh memainkan peranan sebagai pengendali stok penimbang yang terakhir yang tidak bergantung kepada FAMA.

"Gudang yang tidak terletak di bawah kawal selia dan bidaung kuasa FAMA perlu diwujudkan di bawah agensi baharu ini Agensi Keterjaminan Ma-



Keratan akbar BH semalam.

kanan. Agensi baharu ini juga boleh menjalankan kerjasama strategik dengan pihak swasta untuk menyimpan stok lebihan sebagai simpanan jangka pendek, pertengahan dan panjang," katanya.

Beliau yang menyambut baik usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengadakan pertemuan bersama Kementerian Pertanian dan Kebajikan Petani India bagi memastikan kemasukan bekalan BPI dari negara itu, menyarankan supaya usaha juga dijalankan dengan negara pengeluar beras utama seperti Vietnam.

### Tingkat kelusinan sawah

Sementara itu, Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Rafli Yusop, berkata subsidi beras putih import juga harus diberi kepada penduduk di Semenanjung berikut ramai B40 di bandar, selain turut berdepan masalah kekurangan beras tempatan.

"Bagaimanapun, semua intervensi ini adalah untuk jangka pendek sahaja. Untuk keterjaminan makanan negara bagi jangka panjang, maka keluasan tanah sawah perlu ditingkatkan. Produktiviti sawah sedia ada juga perlu ditingkatkan dengan aktiviti latihan dan pengembangan pertanian supaya pesawat dapat mengamalkan amalan pertanian yang terbaik," katanya.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Persatuan Pengguna Malaysia (POMCA), Datuk Paul Selva Raj, pula berkata pemberian harga borong kepada pembekal atau subsidi adalah satu langkah tepat, namun usaha itu haruslah dipantau bagi memastikan harga jualan kepada pengguna tidak meningkat.

"Dari segi harga kita kenal pastikan juga, kalau sudah beri harga borong kepada pembekal atau subsidi beras jadi kerajaan perlu pantau perkara ini... jika harga yang dijual kepada pengguna mahal dan tidak munasabah ia hanya akan membebankan pengguna, jadi harga mestilah pada kadar yang mampu milik," katanya.

BERNAMA

**KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**TARIKH : 4 OKTOBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## ‘Tindakan mahkamah jika sorok beras’

**Bentong:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberikan amaran tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang dikesan mengambil kesempatan dengan menyorok stok beras putih tempatan (BPT).

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan mengheret pihak berkenaan ke muka pengadilan sekiranya didapati melakukan tindakan tidak bertanggungjawab itu.

Beliau mengaku memang ada pihak yang sanggup bertindak

sedemikian di tengah-tengah kekurangan stok bahan mentah dalam pasaran negara, demi mengaut keuntungan.

“Kemudian ada juga dalam klangan yang salah guna, sorok, simpan... saya beritahu kepada saudara Mat Sabu (Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu), arahan yang jelas kepada badan penguat kuasa. Kalau ada yang berani buat perangai buruk dalam keadaan orang susah mencari beras, kamu sorok... kamu juga.

“Kami akan cari kamu dan sama ada bawa kamu ke mahkamah... tengah orang susah, masa itu kamu nak cari untung,” katanya ketika berucap pada Ceramah Mega Perpaduan Madani di Dataran Simpang Pelangi, di sini malam kelmarin.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan sentiasa berusaha menyelesaikan isu beras, tetapi mengakui ia memerlukan sedikit masa.

“Kita cuba tetapi apakah boleh

selesai 100 peratus? Tidak, beras ini isu, masalah berat... jadi saya kata beri masa seminggu tengok keadaan dia.

“Kalau tidak selesai lagi, kita bincang semula sebelum pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober ini,” katanya.

Perdana Menteri memaklumkan isu beras turut berlaku di negara lain, termasuk harganya yang terpaksa dinaikkan berikutan negara pembekal terpaksa memberhentikan atau mengurangkan eksport beras mereka.

KERATAN AKHBAR

: HARIAN METRO

TARIKH

: 4 OKTOBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Bernama

Kuala Lumpur

**E**mpat langkah intervensi tambahan dilaksanakan kerajaan bagi menangani isu bekalan beras dalam negara ini diyakini mampu menstabilkan semula keadaan bekalan makanan ruji itu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif EMIR Research Datuk Dr Rais Hussin Mohamed Ariff (**gambar**) berkata, ia adalah langkah strategik yang amat diperlukan bagi memastikan bekalan beras mencukupi untuk memenuhi permintaan domestik.

"Pada masa sama, ini bagi memastikan terdapat lebihan yang boleh diedarkan kepada pembekal apabila tiba masanya tanpa mengira sama ada beras putih tempatan (BPT) atau beras putih import (BPI).

"Ini kerana suasana sekarang, cita rasa pasaran bukanlah penentu tetapi bekalan dan pada harga kawalan yang ditetapkan," katanya.

Kelmanin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dalam sidang media khas mengumumkan empat langkah intervensi tambahan dilaksanakan bagi menangani isu bekalan beras dalam negara, antaranya termasuk menggarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) meningkatkan pengedaran beras putih tempatan ke kawasan luar bandar termasuk di keldai-keldai runcit.

Bagi Sabah dan Sarawak, Mohamad berkata, kerajaan bersatu untuk memberikan subsidi sebanyak RM950 setiap tan metrik bagi beras putih import (BPI) mulai 5 Oktober bagi membolehkan BPI diperoleh dengan harga runcit RM31 bagi setiap kilo-

# Langkah strategik demi beras mencukupi

*Arah Fama tingkat pengedaran BPT ke kawasan luar bandar*

ram (kg).

Mengulas lanjut, Rais Hussin menggesa pengilang dan pemborong beras tempatan pihak swasta yang memonopoli rantauan makanan itu bekerjasama dengan Fama dalam usaha menyegerakan penyelesaian bekalan beras.

"Ini bererti Fama akan bersiap siaga membantu meringankan beban kos dan tanggungan pihak swasta dari segi pergunaan dan pengangkutan apabila diperlukan, sebagai contoh ketika berlakunya lebihan bekalan... ini boleh dilaksanakan menerusi kontrak dan perjanjian antara Fama dan pihak swasta," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, kerajaan boleh memainkan peranan sebagai pengendali stok penimbang yang terakhir yang tidak bergantung kepada Fama.

"Gudang-gudang yang tidak terletak di bawah kawal selli dan bidang kuasa Fama perlu diwujudkan di bawah agensi baharu iaitu Agensi Keterjaminan Makanan. Agensi baharu ini juga boleh menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak swasta untuk menyimpan stok lebihan sebagai simpanan jangka pendek, pertengahan dan panjang," katanya.

Bellau menyambut baik usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengadakan pertemuan bersama Kementerian Pertanian dan Kebajikan Petani India bagi memastikan kemasukan bekalan BPI dari negara

itu, menyaranakan supaya usaha juga dijalankan dengan

negara pengeluar beras utama seperti Vietnam.

Sementara itu, Pengarah Institusi Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohd Rafil Yusop berkata, subsidi beras putih import juga harus diberi kepada penduduk di Semenanjung berikutnya ramai golongan B40 di bandar, selain turut berdepan masalah kekurangan beras tempatan.

"Bagaimanapun, semua intervensi ini adalah untuk jangka pendek sahaja. Untuk keterjaminan makanan negara bagi jangka panjang, maka keluasan tanah sawah perlu ditingkatkan.

"Produktiviti sawah sedia ada juga perlu ditingkatkan dengan aktiviti latihan dan pengembangan pertanian supaya pesawah dapat mengamalkan amalan pertanian yang terbaik," katanya.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Datuk Paul Selva Raj pula berkata, pemberian harga borong kepada pembekal atau subsidi adalah satu langkah yang tepat, namun usaha itu haruslah dipantau bagi memastikan harga jualan kepada pengguna tidak meningkat.

"Dari segi harga kita kena pastikan juga kalau sudah beri harga borong kepada pembekal atau subsidi beras jadi kerajaan perlu pantau perkara ini... jika harga dijual kepada pengguna mahal dan tidak munasabah ia akan membebankan pengguna, jadi harga mestilah pada kadar yang mampu milik," katanya.

**"Ini kerana suasana sekarang, cita rasa pasaran bukanlah penentu tetapi bekalan dan pada harga kawalan yang ditetapkan"**



KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 4 OKTOBER 2023  
PERKARA : ISU SEMASA

# Tambah subsidi beras, kawal harga beras import

Oleh MOHD. HAFIZ ABD.  
MUTALIB dan NURUL  
IRDINA SUMALI  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)


**ARAU:** Kerajaan perlu menambah subsidi beras dalam Belanjawan tahun depan bagi menyelesaikan isu kekurangan dan kenaikan harga beras yang mendadak di pasaran ketika ini.

Selain itu, pihak universiti pula perlu memperbanyakkan kajian bagi menghasilkan varieti benih padi yang boleh meningkatkan hasil.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Nazri Subuh, 48, berkata, peruntukan yang lebih banyak perlu diberikan membabitkan perkara berkaitan keterjaminan makanan ini khususnya beras yang menjadi makanan ruji rakyat di negara ini.

Katanya, kerajaan dicadangkan memperuntukan sekurang-kurangnya RM500 juta sehingga RM1 bilion untuk tujuan penambahan subsidi berkenaan tahun depan.

Katanya, peruntukan-peruntukan dalam sektor lain mungkin boleh dikurangkan supaya tumpuan utama boleh



KILANG beras mini di kawasan penanaman padi boleh meningkatkan penghasilan beras bagi menampung keperluan semasa.

diberikan kepada isu beras ini.

Katanya, kekurangan bekalan dan harga tinggi beras memberi kesan berbeza berbanding kekurangan dan peningkatan harga bahan makanan lain seperti telur ayam dan minyak masak.

"Isu beras ini tidak boleh dilihat biasa, bagi rakyat apabila beras tiada dan harga

tinggi, ia sangat memberi kesan kepada mereka. Kalau kita lihat, setiap kali program jualan Rahmah, orang ramai beratur panjang, sanggup menunggu berjam-jam bagi mendapatkan beras dengan harga murah.

"Oleh sebab itu, saya lihat peruntukan atau tambahan subsidi beras perlu dilakukan supaya rakyat dapat menikmati

beras termasuk beras import dengan harga lebih berpatutan.

"Sebelum ini, tidak pernah berlaku perkara seperti ini. Rakyat boleh saja membeli beras import kerana harga tidak terlalu mahal. Sekarang, beras import sangat mahal manakala beras tempatan yang lebih murah pula sangat sukar diperoleh," katanya.

Tambah Mohd. Nazri, antara cadangan jangka panjang lain bagi mengatasi isu beras ini adalah dengan mengawal harga beras import.

"Selain itu, hadkan jualan beras tempatan kepada orang tempatan dan jika ada dalam kalangan warga asing yang susah, mungkin boleh diberikan sedikit subsidi," katanya.

Katanya, penghasilan varieti benih padi baharu perlu sentiasa dipertingkatkan bagi menjamin hasil yang banyak untuk menampung keperluan beras negara.

Selain itu, boleh juga diwujudkan kilang-kilang beras mini di kawasan penanaman padi supaya beras boleh dihasilkan sendiri untuk menampung penggunaan di kawasan-kawasan setempat," katanya.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 4 OKTOBER 2023  
PERKARA : ISU SEMASA

# 'Jangan sulitkan rakyat dapat bekalan beras'

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
masarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan penge-  
daran Beras Putih Tempatan (BPT) lebih proaktif terutama  
bagi kawasan-kawasan pedala-  
man sebagai usaha mengurangi  
kesulitan rakyat dalam mendapat-  
kan bekalan beras.

Perdana Menteri berkata,  
agensi-agensi kerajaan seperti  
Lembaga Pemasaran Pertan-  
ian Persekutuan (FAMA) dan  
Lembaga Pertubuhan Peladang  
(LPP) perlu bertindak sedemikian  
sebagai agensi penge-  
dar susulan langkah intervensi  
yang diumumkan Kementerian  
Pertanian dan Keterjaminan  
Makanan kelmarin.

Perkara itu diputuskan me-  
nerusi Mesyuarat Majlis Tinda-  
kan Sara Hidup Negara (NAC-  
COL) Bilangan 2 Tahun 2023  
semalam yang turut berbin-  
cang berkenaan kawalan harga  
bagi ayam bulat standard dan  
telur ayam yang dilaksanakan  
sejak Februari 2022.

"Adalah penting supaya hala  
tuju kawalan harga ayam dan  
telur ini dapat dimuktamadkan  
bagi memastikan kelangsungan  
rantai bekalan," katanya  
dalam kenyataan semalam.

Sebanyak tiga Kertas Per-  
timbangan dan dua Kertas



**ANWAR Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) di Putrajaya semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI**

Makluman yang menjurus isu  
berkaitan kos sara hidup diben-  
tangkan semasa mesyuarat  
tersebut.

Anwar yang juga Menteri  
Kewangan berkata, meskipun  
kadar inflasi dalam negara  
mereda kepada 2.0 peratus iaitu  
kadar terendah dalam tem-  
poh hampir dua tahun, Kerajaan  
Perpaduan kekal komited  
meneruskan program-program  
intervensi melalui inisiatif Pa-  
yung Rahmah dan Jualan Agro  
Madani.

Katanya, inisiatif ini diter-  
uskan dengan kerjasama ker-  
ajaan negeri yang akan meman-  
faatkan rakyat dalam usaha

berterusan Kerajaan Perpaduan  
menangani isu kos sara hidup  
rakyat.

"Kerajaan Perpaduan juga  
prihatin terhadap kepentingan  
rakyat ke atas akses bekalan ubat  
yang lebih kompetitif harganya  
supaya rakyat mengetahui harga  
yang perlu dibayar dan mampu  
untuk membuat pilihan."

"Adalah menjadi keutamaan  
Kerajaan Perpaduan untuk  
memastikan mekanisme pen-  
jualan ubat adalah lebih telus  
untuk manfaat rakyat melalui  
mekanisme paparan harga."

"Mesyuarat bersetuju su-  
paya perkara ini diperincikan  
oleh kementerian sebelum

dimuktamadkan," katanya.

Pada masa sama, Anwar  
berkata, kerajaan juga peka ter-  
hadap kemungkinan gangguan  
bekalan gula jika tiada tinda-  
kan segera dilaksana bagi me-  
nangani isu berkaitan pening-  
katan harga gula mentah dunia.

Sehubungan itu, katanya,  
kesemua perkara ini akan diben-  
tangkan di dalam Mesyuarat  
Jemaah Menteri dalam tempoh  
terdekat bagi mendapatkan hala  
tuju serta dimuktamadkan.

Mesyuarat turut mengam-  
bil maklum perancangan serta  
pelaksanaan Pangkalan Data  
Utama Kerajaan (PADU) oleh  
Kementerian Ekonomi.

KERATAN AKHBAR

: KOSMO

TARIKH

: 4 OKTOBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA



RAZALI (kanan) bersama penguat kuasa KPB negeri memeriksa bekalan beras putih tempatan semasa Ops BPT di sebuah premis borong di Kangar baru-baru ini.

Petugas khas pantau operasi kilang, pemborong

# Operasi buru pihak ganggu rantaian beras

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

**KANGAR** — Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Perlis bersiap-siaga pada bila-bila masa untuk melaksanakan Ops Beras Putih Tempatan (BPT) secara lebih menyeluruh dengan melibatkan pasukan petugas khas dari beberapa agensi kerajaan lain di negeri itu.

Pengaruhnya, Mohd. Amirudin Che Hat berkata, pihaknya kini masih menunggu mekanisme terkini pelaksanaan operasi tersebut daripada pihak Kementerian Pertanian dan Kejurjiman Makanan (KPKM).

"Sebagai makluman, KPB akan memantau peringkat pengilang padi, pemborong serta peruncit

beras di negeri ini. Di Perlis, terdapat lima pengilang swasta aktif dengan dua lagi kilang beras milik Padiberas Nasional Berhad (Bernas) selain empat pemborong aktif.

"Sebelum ini pun di peringkat negeri kita telah mulakan Ops BPT dan Ops Jamin bersama Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan turut disertai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Razali Saad yang mewakili kerajaan negeri," katanya di sini semalam.

Kata Mohd. Amirudin, selepas ini KPB negeri akan berkolaborasi bersama KPDN, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan, Jabatan Kastam

Diraja Malaysia serta Polis Diraja Malaysia bagi membanteras ketirisan beras putih tempatan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumuman oleh Menteri Pertanian dan Kejurjiman Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengenai intervensi kerajaan membanteras pesalah beras melalui Ops BPT kelmarin.

Ops tersebut akan dijalankan bagi memburu pesalah beras yang mengganggu rantaiannya makanan ruji negara ini.

Kerajaan turut memperuntukkan subsidi tambahan hampir RM400 juta untuk 'membeli' subsidi BPT yang dinikmati pihak hasil makanan itu dalam jumlah yang besar.

KERATAN AKHBAR

: NEW STRAIT TIMES

TARIKH

: 4 OKTOBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA



The Institute for Democracy and Economic Affairs says rice supply reforms must be underway by 2031, when Bernas' concession ends. PIC BY FAIZ ANUAR

## 'Scrap rice monopoly in next 8 years'

**KUALA LUMPUR:** The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) has urged the government to implement reforms to break the monopoly in the rice industry, facilitate the transition to an open market and the deregulation of imports in the next eight years.

It said the phased approach must be underway by 2031, as Padiberas Nasional Bhd's (Bernas) 10-year government concession runs from 2021 to 2031.

IDEAS chief executive officer Dr Tricia Yeoh said this would ensure that supply chain challenges and high import costs could be improved as the price of essential goods rise globally.

"The call by certain groups to ban foreigners from buying local rice scapegoats vulnerable communities and redirects the cause of the issue at hand.

"We urge the government to use the next eight years to implement the reforms that will encourage competitiveness, efficiency and

innovation within the local rice market."

Recently, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said breaking Bernas' national rice monopoly would require a "solid reason" and "time".

Yeoh said controlling the price of rice to achieve food security through price stabilisation had led to gradual monopolisation of the padi and rice supply chain.

She said IDEAS had outlined a roadmap, titled "Padi and Rice Sector Policy Roadmap: Towards Equity and Sustainability", that envisions the deregulation of farm subsidies and import monopoly, among other reforms.

"With the extension of Bernas' concession until 2031, issues besetting the agriculture industry such as slow growth as well as the low investment of new capital and new entrants of young farmers continue to prevail."

IDEAS senior fellow Professor Fatimah Mohamed Arshad said after the 2008 rice price crisis,

Malaysia had not taken steps to seriously revamp its padi sector to build resiliency against market vagaries and uncertainties.

She said Malaysia was continuing its half-a-century-old protectionism policy despite the deindustrialisation impact and overall slow growth, particularly in productivity.

"The industry is trending downwards, overwhelmed by climatic factors, high input costs, inflation and structural deficiencies. As production declines, the dependency on imports increases together with imported inflation.

"India's export ban shock had plunged the country into 'rice shortage and price crises', which is avoidable if Malaysia had been able to ensure rice supply security through higher productivity and production and a more competitive industry.

"Clearly, the industry is in need of systemic change for resiliency rather than a short-term firefighting strategy."

KERATAN AKHBAR : NEW STRAIT TIMES  
TARIKH : 4 OKTOBER 2023  
PERKARA : ISU SEMASA

SUPPLY CRISIS

# SPOTCHECKS ON RICE LABEL SWITCHING

Op BPT to collect samples at all levels of supply chain to check if local rice is sold as imported rice

MOHD NASARUDDIN PARZI  
KUALA LUMPUR  
[news@nst.com.my](mailto:news@nst.com.my)

**T**HE Special Integrated Task Force for the Enforcement of White Rice Operation (Op BPT) will collect rice samples at random from all levels of the supply chain to probe claims that local white rice is being sold as imported rice.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Chan Foong Hin said the operation was ongoing, including in hotspots identified by the ministry.

He said the Chemistry Department would help with the rice sampling analysis.

"Our operations can take place anytime. We will take samples at random from all levels of the rice supply chain, be it at the retail, wholesale or production level.

"Tests will be done to see if there are cases of local white rice being repackaged as imported rice. We need to do this scientifically," he said after a meeting on Op BPT at the Farmers' Association Board here yesterday.

He said previously, Op BPT only involved the ministry's Rice and Padi Monitoring Department, enforcement officers from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, police, Customs Department and the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis).

"Today (yesterday), we called for a meeting of all agencies to streamline operations. The task force now includes the Chemistry Department and Malaysian Agricultural Research and Development Institute."

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu had said Op BPT would focus on enforcement at all levels of the local white rice supply chain.

Chan said the ministry would provide feedback if it was found the "label switching" claims were true.

"We have identified hotspots. We will inform the public of any new developments," he said.